Apabila menerima rancangan A2 (Jerman)

Siaran	Paparan dalam skrin TV (bunyi yang dipilih)
A2 (Jerman) stereo	
A2 (Jerman) dwibahasa	

Kawasan yang menerima rancangan-rancangan siaran NICAM dan A2 (Jerman)

Sistem	Kawasan penerimaan
NICAM	Hong Kong , Singapura, New Zealand , Malaysia, Thailand dll.
A2 (Jerman)	Australia, Malaysia , Thailand dll.

Nota

- Jika isyarat sangat lemah , bunyi akan berubah menjadi mono secara automatik.
- Jika bunyi stereo bising semasa menerima rancangan NICAM, pilih "Mono". Bunyi akan berubah menjadi mono, tetapi bunyi bising akan berkurangan.
- Sebelum menerima rancangan stereo NICAM di China, sila periksa keadaan siaran di kawasan anda. Apabila menerima rancangan stereo NICAM, keadaan penerimaan mungkin akan berbeza-beza bergantung kepada kawasan tersebut. Tambahan pula, kekuatan isyarat siaran NICAM yang berbeza mungkin akan mempengaruhi kualiti penerimaan.

Jika terdapat ganguan bunyi atau bunyi bising semasa menerima rancangan mono menerusi terminal ⅂Γ (antena)

Tekan A/B berulangkali sehingga "Mono" muncul pada skrin.

Untuk membatalkan aturan bunyi mono, tekan A/B semula sehingga "Auto" muncul pada skrin.

Nota

- Aturan "Mono" atau "Auto" adalah dimemorikan untuk setiap nombor rancangan.
- Anda tidak boleh menerima isyarat siaran stereo apabila TV anda berada dalam aturan "Mono". Biasanya, aturkan TV anda kepada "Auto".

Menonton Teleteks

Stesen TV menyediakan perkhidmatan maklumat yang dikenali sebagai Teleteks menerusi beberapa saluran TV. Teleteks membolehkan anda menerima pelbagai jenis maklumat terkini seperti pasaran saham atau berita.



Memaparkan Teleteks

1 Pilih saluran TV yang menyediakan siaran Teleteks yang anda ingin tontoni.

2 Tekan ☰ untuk memaparkan Teleteks.

Halaman Teleteks (biasanya halaman indeks) dipaparkan. Jika tiada siaran Teleteks, “100” akan dipaparkan pada sudut kiri atas skrin TV.



Untuk menutup Teleteks

Tekan ▭.

Fungsi tambahan Teleteks

Untuk	Buat seperti berikut
memaparkan halaman Teleteks pada gambar TV	Tekan ☰ . Setiap kali anda tekan ☰ , skrin akan berubah seperti berikut: Teleteks → Teleteks dan TV → TV.
mengetahui kandungan perkhidmatan Teleteks	Tekan ⓘ . Gambaran menyeluruh tentang kandungan Teleteks dan nombor halaman muncul pada skrin.
memilih halaman Teleteks	Tekan butang nombor untuk memasukkan nombor halaman tiga angka bagi halaman Teleteks yang dikehendaki.* Jika anda tersilap, masukkan semula nombor halaman yang betul. Untuk mendapatkan halaman yang seterusnya atau yang sebelumnya, tekan PROG +/–.
menghentikan halaman Teleteks (menghentikan halaman daripada bertukar)	Tekan ⊕ untuk memaparkan simbol " ⊕ " pada sudut kiri atas skrin. Untuk menyambung semula operasi Teleteks biasa, tekan ⊕ atau ☰.
memaparkan maklumat yang tersembunyi (contohnya, jawapan kuiz)	Tekan ?. Untuk menyembunyikan semula maklumat itu, tekan butang itu sekali lagi.
membesarkan paparan Teleteks	Tekan ⊕ . Setiap kali anda menekan ⊕ , paparan Teleteks akan berubah seperti berikut: Separuh bahagian atas dibesarkan → Separuh bahagian bawah dibesarkan → Saiz biasa.
menunggu halaman Teleteks semasa menonton rancangan TV	1 Masukkan nombor halaman Teleteks yang ingin anda rujuk, kemudian tekan ⊗. 2 Apabila nombor halaman dipaparkan, tekan ☰ untuk memaparkan teks itu.

* Anda juga boleh memilih halaman Teleteks bagi mana-mana nombor halaman yang muncul dalam ruang berwarna pada bahagian bawah skrin dengan menggunakan butang dengan kod warna yang sepadan pada alat kawalan jauh.

Menggunakan FASTEKS

Ciri ini membolehkan anda mendapatkan halaman Teleteks yang menggunakan FASTEKS dengan segera. Apabila rancangan FASTEKS ditayangkan, menu berwarna akan muncul pada bahagian bawah skrin. Warna pada menu sepadan dengan butang dengan kod warna (merah ▭ , hijau ▭ , kuning ▭ dan biru ▭) pada alat kawalan jauh.

Untuk mendapatkan menu FASTEKS

Tekan butang dengan kod warna pada alat kawalan jauh yang sepadan dengan menu yang dikehendaki. Halaman menu itu akan muncul pada skrin selepas beberapa saat.

Mengendalikan komponen pilihan

Anda boleh menggunakan alat kawalan jauh yang dibekalkan untuk mengendalikan peralatan video Sony yang lain seperti Beta, 8mm, VHS atau DVD.



Mengaturkan alat kawalan jauh untuk mengendalikan peralatan lain yang disambungkan

Semasa menekan butang VIDEO I/⏻ , tekan nombor butang nombor 0, kemudian diikuti oleh butang nombor peralatan yang dikehendaki (rujuk rajah di bawah).

Sebagai contoh , untuk mengendalikan perakam pita video sony 8mm:



Untuk mengendalikan	Semasa menekan	Mula-mula tekan butang nombor	Kemudian tekan butang nombor
DVD	VIDEO I/⏻	0	0
VTR1 (Beta)	VIDEO I/⏻	0	1
VTR2 (8 mm)	VIDEO I/⏻	0	2
VTR3 (VHS)	VIDEO I/⏻	0	3
MDP	VIDEO I/⏻	0	4
CD	VIDEO I/⏻	0	6
MD	VIDEO I/⏻	0	7

Nota

- Jika peralatan anda tidak mempunyai sesuatu fungsi, butang untuk fungsi fungsi itu pada alat kawalan jauh tidak akan beroperasi.

Mengendalikan peralatan video

Tekan VIDEO I/⏻, atau semasa menekan OPTION, tekan ⊕ (►) atau gerak ⊕ ke bawah (❚❚), ke atas (■), ke kiri (I◄◄) atau ke kanan (►►I) (rujuk rajah di bawah).

Mengendalikan perakam pita video menggunakan alat kawalan jauh

Untuk	Tekan /Gerakan
pasang /tutup	VIDEO I/⏻
main	► semasa menekan "OPTION".
berhenti	■ semasa menekan "OPTION".
laju ke hadapan (►►)	►►I semasa menekan "OPTION".
putar balik (◄◄)	I◄◄ semasa menekan "OPTION".
berhenti seketika	❚❚ semasa menekan "OPTION". Tekan sekali lagi untuk menyambung mainan biasa.
Mencari gambar "ke hadapan" (►►) atau "ke belakang" (◄◄)	►►I atau I◄◄ semasa memainkan semula, tekan OPTION. Berhenti menekan untuk menyambung mainan biasa.

Mengendalikan pemain DVD menggunakan alat kawalan jauh

Untuk	Tekan/Gerak
pasang/tutup	VIDEO I/⏻
main	► semasa menekan "OPTION".
berhenti	■ semasa menekan "OPTION".
berhenti seketika	❚❚ semasa menekan "OPTION". Tekan sekali lagi untuk menyambung mainan biasa.
Melangkah melalui trek-trek berlainan pada cakera audio	►►I untuk melangkah ke hadapan atau I◄◄ untuk melangkah ke belakang semasa menekan "OPTION".

bersambung

Mengoperasikan komponen pilihan (bersambung)

Mengendalikan MDP menggunakan alat kawalan jauh

Untuk	Tekan/Gerak
pasang/tutup	VIDEO I/⏻
main	► semasa menekan "OPTION".
berhenti	■ semasa menekan "OPTION".
berhenti seketika	II semasa menekan "OPTION". Tekan sekali lagi untuk menyambung mainan biasa.
mencari gambar ke hadapan atau ke belakang	►►I atau I◄◄ dan "OPTION" semasa mainan biasa. Berhenti menekan untuk menyambung mainan biasa.

Mengendalikan pemain CD atau MD menggunakan alat kawalan jauh

Untuk	Tekan /Gerak
pasang/tutup	VIDEO I/⏻
main	► semasa menekan "OPTION".
berhenti	■ semasa menekan "OPTION".
berhenti seketika	II semasa menekan "OPTION". Tekan sekali lagi untuk menyambung mainan biasa.
melangkah melalui trek berlainan	►►I untuk melangkah ke hadapan atau I◄◄ untuk melangkah ke belakang semasa menekan "OPTION".

Menggunakan pusat pembesar suara TV

Anda boleh menggunakan pembesar suara TV sebagai pusat pembesar suara sistem audio dan mengawal paras bunyi daripada alat kawalan jauh TV.

Nota

- Untuk penyambungan pembesar suara, rujuk "Menyambung alat penguat sistem (Amplifier)" pada halaman 16.
- Anda tidak boleh beralih kepada mod pusat pembesar suara semasa menonton gambar "TWIN".



Untuk beralih kepada mod pusat pembesar suara

1 Tekan CENTER SP.

2 Tekan +/– untuk melaraskan paras bunyi dari pusat pembesar suara TV.



Untuk kembali semula kepada mod pusat pembesar yang normal

Tekan CENTER SP sekali lagi.

Panduan

- Mod pusat pembesar suara akan dibatalkan secara automatik apabila anda memilih input video atau paparan "Memory Stick" atau apabila TV ditutup dan dipasangkan semula. Akan tetapi, ia tidak terbatal apabila ciri "PROGRAM INDEX" digunakan.

Nota

- Tiada bunyi akan kedengaran jika "CENTER IN" dipilih di bawah "Speaker" dalam menu "Sound" dan tiada penyambungan terminal input pusat pembesar suara didapati pada bahagian belakang TV.
- Tiada bunyi akan kedengaran daripada pusat pembesar suara TV jika sumber bunyi yang dikeluarkan daripada alat penguat sistem tidak mengandungi saluran pusat pembesar suara.
- Jika TV anda berada dalam mod pusat pembesar suara, anda tidak dapat menggunakan ciri gambar "TWIN", atau mod "Intelligent Volume" mahupun mod "BBE".

Menggunakan paparan “Memory Stick”

Tentang “Memory Stick”

“Memory Stick” (dijual berasingan) merupakan alat pengantaraan rakaman litar bersepadu (IC) yang padat, mudahalih dan serbaguna dengan kapasiti data yang melebihi cakera liut. “Memory Stick” adalah direka khas untuk saling menukar dan berkongsi data di antara barangan “Memory Stick” yang serasi seperti kamera digital dan kamera video digital. Disebabkan ia mudah dikeluarkan, “Memory Stick” boleh juga digunakan untuk penyimpanan data luaran.



Paparan “Memory Stick” pada TV anda membolehkan anda menonton imej pegun (fail JPEG*) dan wayang gambar (fail MPEJ1**) yang tersimpan di dalam media “Memory Stick”.

Untuk maklumat penggunaan media “Memory Stick” yang lebih lanjut, sila rujuk “Nota penggunaan media “Memory Stick”, “Memory Stick PRO”” dan “Nota “Memory Stick Duo”” pada halaman 44 dan 45.

“Memory Stick”, ”Memory Stick PRO”,”Memory Stick Duo” dan “ ” adalah cap dagang Sony Corporation.

Nota

- Kelajuan pemuatan data mungkin berbeza dan bergantung kepada “Memory Stick”.
- Bunyi tidak dikeluarkan daripada pembesar suara TV apabila anda menonton imej pegun yang tersimpan di dalam “Memory Stick”.
- “Memory Stick” yang telah diformatkan oleh komputer tidak boleh digunakan untuk TV.

Keserasian Fail

Paparan “Memory Stick” boleh memaparkan imej pegun dan wayang gambar yang tersimpan di dalam media “Memory Stick” dengan format pemampatan berikut:

– fail JPEG* (menurut spesifikasi DCF*) dengan sambungan, .jpg
– fail MPEG1**, “MPEG MOVIE”, “MPEG MOVIE AD”, “MPEG MOVIE EX”, “MPEG MOVIE HQ”, “MPEG MOVIE HQX”, “MPEG MOVIE CV”, “VAIO Giga Pocket MPEG1”.
– Imej yang mengandungi lebih daripada 16 titik mendatar dan/atau menegak untuk setiap garisan.
– Imej yang mengandungi kurang daripada 4096 titik mendatar dan/atau menegak untuk setiap garisan.

Contoh: Imej pegun yang dirakam dengan kamera digital Sony.
Nama folder:/DCIM/101MSDCF
Nama Fail: DSC00001.jpg



Contoh: Fail wayang gambar yang dirakam dengan kamera digital Sony.
Nama folder:/MSSONY/MOML0001
Nama fail : MOV00001.MPG

Nota

- Paparan "Memory Stick" tidak boleh memaparkan imej pegun dan wayang gambar yang tersimpan di dalam format TIFF atau format pemampatan yang bukan JPEG atau MPEG1.

* JPEG bermaksud "Joint Photographic Experts Group", sebuah organisasi yang menghasilkan format ini. DCF pula bermaksud "Design Rules for Camera File Systems", spesifikasi yang dihasilkan oleh "Pertubuhan Industri Elektronik dan Industri Teknologi Maklumat Jepun (JEITA).

** MPEG1 bermaksud "Motion Picture Experts Group", sebuah organisasi yang menghasilkan format ini. Ia juga merupakan format pemampatan lazim untuk fail wayang gambar.

Untuk mengelakkan pemadaman imej pegun dan wayang gambar secara tidak sengaja

Aturkan suis pencegahan pemadaman "Memory Stick" kepada "LOCK".

Anda tidak boleh melaraskan imej dalam kedudukan ini (rujuk halaman 55)



Panduan

- Gunakan objek yang tajam seperti pen apabila anda mengaturkan suis pencegahan pemadaman pada "Memory Stick Duo".

bersambung

Nota penggunaan media "Memory Stick PRO", "Memory Stick"

Ikuti langkah-langkah berikut apabila menggunakan media "Memory Stick", "Memory Stick PRO":

- Untuk mengelakkan kerosakan imej pegun daripada berlaku, jangan tutup TV atau alihkan media "Memory Stick" daripada lubang selitan semasa pemprosesan data dijalankan (apabila lampu petunjuk "Memory Stick" bernyala).
- Elakkan daripada menyentuh terminal media "Memory Stick"atau terminal media "Memory Stick" daripada terkena objek berunsur logam.
- Jangan jatuhkan, bengkokkan atau dedahkan media "Memory Stick" kepada kejutan luaran.
- Jangan membuka atau mengubahsuai media "Memory Stick".
- Elakkan media "Memory Stick" daripada dimasuki cecair.
- Lekatkan label hanya pada tempat yang ditentukan.



- Untuk mengelakkan kerosakan imej pegun daripada berlaku, jangan guna atau simpan media "Memory Stick" di tempat yang terdedah kepada:
  - — Suhu yang tinggi (seperti alat pemanas atau dalam kereta yang panas)
  - — Kelembapan yang tinggi
  - — Pancaran matahari
  - — Bahan kimia yang menghakis
  - — Medan magnet
  - — Habuk yang berlebihan
  - — Elektrik statik atau gangguan elektrik
  - — Gelombang elektrik
- Simpan dan bawa media "Memory Stick" dalam bekas asal agar keselamatan data yang tersimpan dijamin.
- Simpan satu sokongan data untuk data yang telah tersimpan.

Nota “Memory Stick Duo”

“Memory Stick Duo” merupakan versi alat pengantaraan rakaman “Memory Stick” yang baru dan padat. Anda boleh menggunakan “Memory Stick Duo” pada TV dengan memasukkan “Memory Stick Duo” ke dalam penyesuai (“adapter”) sebelum memasukkannya ke dalam TV.

- Pastikan “Memory Stick Duo” dipasangkan kepada penyesuai dengan orientasi yang betul.
- Pastikan penyesuai “Memory Stick Duo” dimasukkan ke dalam slot “Memory Stick” dengan orientasi yang betul. Jika tidak, TV mungkin akan mengalami kerosakan.
- Jangan masukkan penyesuai “Memory Stick Duo” tanpa memasangkan “Memory Stick”. Perbuatan ini mungkin akan merosakkan TV anda.

bersambung

Memasukkan dan mengeluarkan "Memory Stick"

Untuk memasukkan "Memory Stick"

Cari kedudukan slot "Memory Stick" (rujuk halaman 103) dan masukkan "Memory Stick" ke dalam slot "Memory Stick" seperti yang digambarkan.



Masukkan media "Memory Stick" dengan simbol ▲menghala ke atas.
Apabila ia dimasukkan dengan betul, ia sepatutnya masuk tanpa apa-apa rintangan dan mengeluarkan bunyi "click".Petunjuk "Memory Stick" akan berkelipan dan padam.

Nota

- Pastikan "Memory Stick" dimasukkan dengan cara yang betul. "Memory Stick" mungkin akan rosak jika ia dipaksakan dengan cara yang salah.
- Masukkan hanya media "Memory Stick" ke dalam slot "Memory Stick" . Cubaan memasukkan objek lain ke dalam slot mungkin akan merosakkan TV anda.

Untuk mengeluarkan "Memory Stick"

1 Pastikan petunjuk "Memory Stick" ditutup. (Apabila ia menyala, ia menunjukkan bahawa data sedang dibaca daripada "Memory Stick".)

2 Tolak "Memory Stick" dengan lembut ke dalam slot, dan kemudian lepaskannya.



Media "Memory Stick" akan dikeluarkan.

3 Tarik "Memory Stick" dengan sepenuhnya daripada slot .



Panduan

- Apabila mengeluarkan "Memory Stick" , jangan cuba hanya mencabutkannya daripada slot.

Nota

- Untuk melindungi kanak-kanak daripada dicederakan oleh Media "Memory Stick" , alihkan semua media "Memory Stick" daripada slot "Memory Stick" TV dan simpan di tempat yang selamat apabila tidak digunakan.

Memaparkan lakaran fail imej pegun dan wayang gambar

Anda boleh menonton sehingga 20 imej pegun dan wayang gambar pada indeks "Memory Stick".



1 Masukkan "Memory Stick" ke dalam slot "Memory Stick" pada TV.

Untuk keterangan cara memasukkan "Memory Stick" yang lebih lanjut, sila rujuk halaman 46.

2 Tekan butang MEMORY STICK.

"Memory Stick Home" akan muncul bersama dengan lakaran fail imej pegun dan wayang gambar yang tersimpan di dalam "Memory Stick".



bersambung

Menggunakan paparan "Memory Stick" (bersambung)

Jika terdapat lebih daripada 20 imej pegun dan wayang gambar.

Gerak ⊕ ke kanan untuk memilih bar skrol pada bahagian hujung kanan "Memory Stick Home", kemudian gerak ⊕ ke bawah untuk memaparkan 20 lakaran yang seterusnya.

Tentang "Digi. Cam. Mode" (Mod Kamera Digital)

"Digi.Cam.Mode" memaparkan semua fail JPEG dan MPEG1 yang dirakam dengan kamera digital yang mengikut spesifikasi DCF. Apabila anda mengaturkan "Digi.Cam.Mode" kepada "Off", hanya fail yang terpilih atau fail dengan sambungan .jpg dan .mpg dapat dipaparkan. Paparan "Memory Stick" TV telah mengaturkan "Digi.Cam.Mode" kepada "On" di kilang. Untuk mengaturkan "Digi.Cam.Mode" kepada "Off", rujuk halaman 66.

Digi.Cam.Mode	Imej yang boleh ditontoni
"On"	Imej pegun fail JPEG yang mengikut spesifikasi DCF yang dirakam dengan kamera digital Sony atau perakam video wayang gambar fail MPEG1 yang dirakam dengan kamera digital Sony atau kamera video digital.
"Off"	Gambar pegun JPEG dan wayang gambar MPEG1 dalam folder nama yang telah ditukarkan oleh komputer.

Nota

- Anda tidak boleh mengaturkan "Sort" dan "Filter" dalam menu "Options" apabila "Digi.Cam.Mode" berada dalam keadaan "On".
- Apabila "Digi.Cam.Mode" diaturkan kepada "On", 2000 imej pegun dan/atau wayang gambar yang maksimum akan dipaparkan. Apabila anda ingin paparkan lebih daripada 2000 gambar, aturkan "Digi.Cam.Mode" kepada "Off".

Untuk menonton imej pegun dan wayang gambar yang telah disusun dan disimpan di dalam komputer

Anda perlu memilih folder. Untuk memilih folder, aturkan "Digi. Cam. Mode" kepada "Off".

Tentang lambang pada imej lakaran

(Wayang)	Menunjukkan lakaran adalah fail wayang gambar (MPEG1).
(Melindungi)	Menunjukkan lakaran dilindungi. Fail yang dilindungi tidak boleh ditukar atau dihapuskan. Untuk keterangan lanjut, rujuk "Melindungi imej pegun dan wayang gambar" di halaman 61.
(Fail relatif)	Menunjukkan fail lain yang mempunyai nama yang sama dalam empat digit terakhir "Memory Stick" tetapi tidak dipaparkan. (Muncul apabila "Digi.Cam. Mode diaturkan kepada "On".)

Nota

- Lambang fail relatif akan ditambahkan dengan fail pertama daripada kumpulan fail yang mempunyai format fail yang sama (JPEG, MPEG1, dan lain-lain), dan mempunyai nama fail dengan 4- digit terakhir yang sama.
- Jika anda menghapuskan fail dengan lambang fail relatif , fail lain yang berkaitan juga akan dihapuskan pada masa yang sama.

Tentang paparan waspada

	Data imej ini adalah format JPEG atau MPEG1 yang tidak serasi.
	Terdapat lakaran tetapi bukan mengikut spesifikasi DCF.
	Terdapat data imej tetapi lakaran telah rosak.
	Data imej telah rosak.

Untuk kembali kepada skrin normal.

Tekan butang nombor atau PROG +/–.

Panduan

- Apabila anda menekan PROG +/–, saluran terakhir yang dipilih akan muncul.

bersambung

Menonton imej pegun dan wayang gambar yang berturutan — Tayangan Slide

Anda boleh menonton imej pegun dan wayang gambar yang tersimpan di dalam "Memory Stick" dengan jarak waktu tertentu.



1 Masukkan "Memory Stick" ke dalam slot "Memory Stick" pada TV.

Untuk keterangan cara memasukkan "Memory Stick" yang lebih lanjut, sila rujuk halaman 46.

2 Tekan butang MEMORY STICK untuk memaparkan "Memory Stick Home".

3 Gerak ⊕ ke atas dan ke bawah untuk memilih "Slide Show", kemudian tekan ⊕.

Menu "Slide Show" akan muncul.

4 Gerak ⊕ ke atas dan ke bawah untuk memilih "Start", kemudian tekan ⊕.

Imej pegun dan wayang gambar akan dipaparkan mengikut pengaturan. Wayang gambar akan dimainkan secara automatik. Imej yang seterusnya akan muncul pada bahagian hujung wayang gambar.

Panduan

- Anda boleh memulakan tayangan slide walaupun pemilihan imej pegun atau wayang gambar sedang dilakukan.

Nota

- Imej pegun dan wayang gambar tidak akan bertukar secara automatik jika "Advance" di dalam menu "Slide Show" diaturkan kepada "Manual".

Untuk keluar daripada “Slide Show”

Tekan ⊕ pada alat kawalan jauh.

Untuk menukar imej pegun dan wayang gambar dalam “Slide Show” secara manual.

1 Tekan MEMORY STICK untuk memaparkan “Memory Stick Home”.
2 Gerak ⊕ ke atas atau ke bawah untuk memilih “Slide Show”, kemudian tekan ⊕ . Menu “Slide Show” akan muncul.
3 Gerak ⊕ ke atas atau ke bawah untuk memilih “Advance” kemudian tekan ⊕.
4 Gerak ⊕ ke atas atau ke bawah untuk memilih “ Manual” kemudian tekan ⊕.
5 Gerak ⊕ ke atas atau ke bawah untuk memilih “Start”, kemudian tekan ⊕.

Jika anda gerak ⊕ ke kanan, imej pegun atau wayang gambar yang seterusnya akan muncul; jika anda gerak ⊕ ke kiri, imej pegun atau wayang gambar yang sebelumnya akan muncul.

Untuk menukar jarak waktu kelanjutan slide.

Anda boleh memilih jarak waktu pertukaran imej pegun atau wayang gambar di antara “5 sec”, “10 sec”, “30 sec”, “1 min”, “5 min” dan “10 min”. Seting asal kilang adalah “5 sec”.

Jarak waktu boleh diubah apabila “Advance” di dalam menu “Slide Show” diaturkan kepada “Auto”.

1 Tekan MEMORY STICK untuk memaparkan “Memory Stick Home”.
2 Gerak ⊕ ke atas dan ke bawah untuk memilih “Slide Show”, kemudian tekan ⊕ .Menu “Slide Show”akan muncul.
3 Gerak ⊕ ke atas atau ke bawah untuk memilih “Interval” kemudian tekan ⊕.
4 Gerak ⊕ ke atas dan ke bawah untuk memilih jarak waktu yang anda ingin aturkan , kemudian tekan ⊕.
5 Gerak ⊕ ke atas dan ke bawah untuk memilih “Start”, kemudian tekan ⊕. “Slide Show” akan bermula.

Untuk memulakan “Slide Show” daripada imej pegun atau wayang gambar tertentu.

1 Tekan MEMORY STICK untuk memaparkan “Memory Stick Home”.
2 Gerak ⊕ ke atas dan ke bawah untuk memilih imej pegun atau wayang gambar yang anda ingin mulakan “Slide Show”, kemudian tekan ⊕. “Memory Stick Home” (menu indeks) akan muncul.
3 Gerak ⊕ ke atas atau ke bawah untuk memilih “Slide Show” kemudian tekan ⊕.

bersambung

Nota

- "Movie Player" (halaman 57) tidak boleh dipaparkan apabila "Advance" diaturkan kepada "Auto".
- Anda tidak boleh menetapkan jarak waktu apabila "Advance" diaturkan kepada "Manual".
- Apabila "Advance" diaturkan kepada "Auto", fail wayang gambar akan dimainkan sehingga tamat tanpa mengikuti jarak waktu yang telah ditetapkan. Fail imej yang seterusnya akan dipaparkan apabila mainan biasa selesai dijalankan.
- Aturan "Interval" tidak menunjukkan masa yang tepat kerana masa yang diambil untuk memaparkan satu imej bergantung kepada saiz fail.

Menonton imej pegun dalam skrin penuh



1 Masukkan "Memory Stick" ke dalam slot "Memory Stick" pada TV.

Untuk keterangan cara memasukkan "Memory Stick" yang lebih lanjut, sila rujuk halaman 46.

2 Tekan butang MEMORY STICK untuk memaparkan "Memory Stick Home".

3 Gerak ⊕ ke atas/ke bawah/ke kanan/ke kiri untuk memilih imej pegun yang anda ingin tontoni, kemudian tekan ⊕.

Menu indeks imej pegun akan muncul.



4 Gerak ⊕ ke atas atau ke bawah untuk memilih "Full Screen" kemudian tekan ⊕.

Imej pegun yang telah dipilih akan dipaparkan dalam skrin penuh.

Untuk melihat imej pegun sebelum atau seterusnya, gerak ⊕ ke kanan atau ke kiri.



bersambung

5 Tekan ⊕.

Menu pengendalian imej akan muncul.

Untuk memaparkan imej pegun lain yang bukan imej sebelum atau selepasnya, gerak ⊕ ke atas untuk memilih "Return", kemudian tekan ⊕ ."Memory Stick Home" akan muncul.

Menu pengaturan imej



Maklumat fail

Panduan

- Maklumat fail akan muncul secara automatik di bahagian bawah kanan apabila imej pegun dipaparkan dalam skrin penuh. Anda boleh menutup paparan maklumat fail dengan mengaturkan"Information" dalam menu pengaturan imej kepada "Off".

Nota

- Paparan skrin penuh mungkin kasar bergantung kepada kualiti imej pegun.
- Imej yang bersaiz kecil mungkin tidak dapat dibesarkan dalam skrin penuh.
- Paparan fail yang besar akan mengambil masa yang lama.

Memutar imej pegun

Anda boleh memutar lakaran imej pegun yang anda telah pilih daripada paparan "Memory Stick Home" atau imej pegun yang dipaparkan dalam skrin penuh, dalam tambahan 90 darjah mengikut arah putaran jam atau arah putaran berlawanan jam.



1 Masukkan "Memory Stick" ke dalam slot "Memory Stick" pada TV.

Untuk keterangan cara memasukkan "Memory Stick" yang lebih lanjut, sila rujuk halaman 46.

2 Tekan butang MEMORY STICK untuk memaparkan "Memory Stick Home".

3 Gerak ⊕ ke atas/ke bawah/ke kanan/ke kiri untuk memilih imej pegun yang anda ingin putarkan, kemudian tekan ⊕.

Menu indeks imej pegun akan muncul.



4 Gerak ⊕ ke atas atau ke bawah untuk memilih "Rotate", kemudian tekan ⊕.

5 Gerak ⊕ ke atas atau ke bawah untuk memilih arah putaran "↻" (ikut jam) atau "↺"(berlawanan jam), kemudian tekan ⊕.

Setiap kali anda menekan ⊕, imej pegun akan berputar sebanyak 90 darjah.

6 Gerak ⊕ ke bawah untuk memilih "Close", kemudian tekan ⊕.

Imej yang diputarkan akan disimpan.

bersambung

Menggunakan paparan "Memory Stick" (bersambung)

Untuk memutar imej skrin penuh

1 Selepas memaparkan imej pada skrin penuh (rujuk halaman 53), tekan ⊕.

Menu pengaturan imej akan muncul.

2 Gerak ⊕ ke atas atau ke bawah untuk memilih "Rotate", kemudian tekan ⊕.

3 Gerak ⊕ ke atas atau ke bawah untuk memilih arah putaran , kemudian tekan ⊕.

Setiap kali anda menekan ⊕, imej pegun akan diputar sebanyak 90 darjah dalam arah yang dipilih.

4 Gerak ⊕ ke atas untuk memilih "Close", kemudian tekan ⊕.

Nota

- Anda tidak boleh memutar fail wayang gambar.
- Anda tidak boleh memutar imej pegun yang telah dilindungi (rujuk halaman 61).
  Sahkan lambang pelindung dalam maklumat fail dan bukakan pelindung sebelum menjalankan pemutaran.
- Anda tidak boleh memutar imej pegun jika "Memory Stick " berada dalam kedudukan terkunci.

Memainkan Wayang Gambar — Pemain Wayang Gambar



1 Masukkan "Memory Stick" ke dalam slot "Memory Stick" pada TV.

Untuk keterangan cara memasukkan "Memory Stick" yang lebih lanjut, sila rujuk halaman 46.

2 Tekan butang MEMORY STICK untuk memaparkan "Memory Stick Home".

3 Gerak ⊕ ke atas/ ke bawah/ke kanan/ke kiri untuk memilih wayang gambar yang anda ingin mainkan, kemudian tekan ⊕.

Menu indeks wayang gambar akan muncul.



bersambung

4 Gerak ⊕ ke atas dan ke bawah untuk memilih "Movie Player", kemudian tekan ⊕.

Pemain Wayang Gambar akan muncul.



Menu pengendalian Pemain Wayang Gambar.

Butiran	Untuk
"Return"	kembali kepada "Memory Stick Home".
"► / II"	memainkan wayang gambar. Pilih butiran ini semasa mainan biasa untuk menghentikan mainan buat seketika.
"■"	memberhentikan mainan biasa.
"I◄◄"	Gerak ⊕ ke kiri semasa mod memberhentikan wayang gambar untuk memaparkan fail"Memory Stick" yang sebelumnya. Semasa mainan biasa, kawalan bertukar kepada "◄◄" (putar balik pantas) dan wayang gambar akan berputar balik dengan pantas.
"►►I"	Gerak ⊕ ke kanan semasa mod memberhentikan wayang gambar untuk memaparkan fail"Memory Stick" yang selepasnya. Semasa mainan biasa, kawalan bertukar kepada "►►" (laju ke hadapan) dan wayang gambar akan bergerak laju ke hadapan dengan pantas.
"Full Screen"	memaparkan wayang gambar dalam skrin penuh.
"Menu"	memaparkan menu pengaturan wayang gambar untuk melakukan pemilihan tambahan.

Nota

- Jika anda memilih I◄◄ atau ►►I semasa mod memberhentikan wayang gambar, ia mungkin akan mengambil masa yang lama untuk memuatkan fail yang sebelum atau selepasnya. Semasa pemuatan fail sedang dijalankan, "Return" akan menyala. Jika anda menekan ⊕ apabila "Return" sedang menyala, TV akan kembali kepada "Memory Stick Home".
- "◄◄"(putar balik laju) dan "►►" (laju ke hadapan) mungkin tidak berfungsi bergantung kepada fail wayang gambar.

5 Gerak ⊕ ke atas atau ke bawah untuk memilih "▶ / ❚❚", kemudian tekan ⊕.

Mainan biasa wayang gambar akan bermula. Pada bahagian hujung wayang gambar, ia akan kembali kepada bahagian permulaan dan berhenti.

Untuk memberhentikan mainan biasa secara manual, gerak ⊕ ke atas atau ke bawah untuk memilih "■" ,kemudian tekan ⊕.

Untuk memilih bunyi

1 Pada skrin pemain wayang gambar, gerak ⊕ ke atas atau ke bawah untuk memilih "Menu", kemudian tekan ⊕.
Menu pengendalian wayang gambar akan muncul.

Menu setup wayang



2 Gerak ⊕ ke atas atau ke bawah untuk memilih "Audio Select", kemudian tekan ⊕.
3 Gerak ⊕ ke atas atau ke bawah untuk memilih bunyi yang ingin didengar, kemudian tekan ⊕.

Menu Pemilihan Audio dan bunyi pilihan

Butiran	Rancangan stereo	Rancangan dwibahasa
L/R	bunyi kiri dan kanan	bunyi utama dan sampingan
L	bunyi sebelah kiri	bunyi utama
R	bunyi sebelah kanan	bunyi sampingan

Nota

- Menu "Audio Select" tidak boleh digunakan apabila wayang gambar tidak mengandungi bunyi.

bersambung

Menggunakan paparan "Memory Stick" (bersambung)

Untuk memaparkan wayang gambar dalam skrin penuh

1 Paparkan Pemain Wayang Gambar dan ikuti langkah 1 hingga 4 pada halaman 57.

2 Gerak ⊕ ke atas atau ke bawah untuk memilih "Full Screen", kemudian tekan ⊕.

Wayang gambar akan dipaparkan pada skrin penuh, dan mainan biasa akan bermula secara automatik.

Untuk kembali semula kepada Pemain Wayang Gambar

Semasa mainan biasa, gerak ⊕ ke atas/ke bawah/ke kanan/ke kiri atau tekan ⊕.

Nota

- Wayang gambar yang bersaiz kecil mungkin tidak boleh dibesarkan dalam skrin penuh.
- Paparan pada skrin penuh mungkin kasar bergantung kepada kualiti wayang gambar.
- Pembesaran fail mungkin akan mengambil masa yang lama dan fail yang pendek mungkin tidak boleh dimainkan.
- "◀◀" dan "▶▶" tidak diaktifkan apabila wayang gambar dimainkan dalam skrin penuh.

Melindungi imej pegun dan wayang gambar

Anda boleh melindungi imej pegun dan wayang gambar daripada dipadamkan dengan tidak sengaja. Pelindung ini boleh dibuka.



1 Masukkan "Memory Stick" ke dalam slot "Memory Stick" pada TV.

Untuk keterangan cara memasukkan "Memory Stick" yang lebih lanjut, sila rujuk halaman 46.

2 Tekan butang MEMORY STICK untuk memaparkan "Memory Stick Home".

3 Gerak ⊕ ke atas/ke bawah/ke kanan/ke kiri untuk memilih wayang gambar yang anda ingin lindungi, kemudian tekan ⊕.

Menu indeks imej pegun atau wayang gambar akan muncul.

Menu indeks imej pegun atau wayang gambar



4 Gerak ⊕ ke atas atau ke bawah untuk memilih "Protect", kemudian tekan ⊕.

5 Gerak ⊕ ke atas atau ke bawah untuk memilih "On", kemudian tekan ⊕.

Lambang (pelindung) akan dipaparkan.

Untuk membukakan pelindung, pilih "Off", kemudian tekan ⊕.

bersambung

Menggunakan paparan "Memory Stick" (bersambung)

Untuk melindungi imej skrin penuh

1 Selepas memaparkan imej pegun dalam skrin penuh (rujuk halaman 53), tekan ⊕.

Menu pengendalian imej akan muncul.

2 Gerak ⊕ ke atas atau ke bawah untuk memilih "Protect" kemudian tekan ⊕.

3 Gerak ⊕ ke atas atau ke bawah untuk memilih "On", kemudian tekan ⊕.

Untuk melindungi wayang gambar pada Pemain Wayang Gambar

1 Selepas memaparkan Pemain Wayang Gambar (rujuk halaman 57), gerak⊕ ke atas atau ke bawah untuk memilih "Menu", kemudian tekan ⊕.

Menu pengendalian wayang gambar akan muncul.

2 Gerak ⊕ ke atas atau ke bawah untuk memilih "Protect" kemudian tekan ⊕.

3 Gerakkan ⊕ ke atas atau ke bawah untuk memilih "On", kemudian tekan ⊕.

Panduan

- Imej yang dilindungi akan dipaparkan sebagai "Read-only" pada komputer.

Menghapuskan imej pegun atau wayang gambar

Anda boleh Menghapuskan fail imej pegun dan wayang gambar yang tidak diperlukan daripada "Memory Stick". Sebelum melakukan penghapusan, pastikan yang fail-fail tersebut benar-benar tidak diperlukan kerana imej yang sudah dihapuskan tidak boleh dikembalikan semula.



1 Masukkan "Memory Stick" ke dalam slot "Memory Stick" pada TV.

Untuk keterangan cara memasukkan "Memory Stick" yang lebih lanjut, sila rujuk halaman 46.

2 Tekan butang MEMORY STICK untuk memaparkan "Memory Stick Home".

3 Gerak ⊕ ke atas/ke bawah/ke kanan/ke kiri untuk memilih wayang gambar yang anda ingin hapuskan, kemudian tekan ⊕.

Menu indeks imej pegun dan wayang gambar akan muncul.

Menu indeks imej pegun atau wayang gambar



4 Gerak ⊕ ke atas atau ke bawah untuk memilih "Delete", kemudian tekan ⊕.

5 Gerak ⊕ ke atas untuk memilih "Selected", kemudian tekan ⊕.

Mesej pengesahan akan muncul.

6 Gerak ⊕ ke kiri untuk memilih "Yes", kemudian tekan ⊕.

Untuk membatalkan penghapusan, pilih "No", kemudian tekan ⊕.

bersambung

Nota

- Apabila "Digi. Cam. Mode" diaturkan kepada "On", penghapusan fail yang mengandungi lambang "fail relatif" akan menghapuskan fail-fail yang berkaitan pada masa yang sama (rujuk halaman 48).
- Sebelum melakukan penghapusan, sahkan maklumat fail.
- Anda tidak boleh menghapuskan fail yang sudah dilindungi (rujuk halaman 61). Anda perlu membuka pelindung dahulu.
- Anda tidak boleh menghapuskan imej pegun dan wayang gambar daripada "Memory Stick" jika suis pencegahan pemadaman pada "Memory Stick" berada dalam kedudukan "LOCK".

Untuk memadamkan imej skrin penuh

1 Selepas memaparkan imej pegun dalam skrin penuh (rujuk halaman 53), tekan ⊕.

Menu pengendalian imej akan muncul.

2 Gerak ⊕ ke atas atau ke bawah untuk memilih "Delete", kemudian tekan ⊕.

3 Gerak ⊕ ke atas untuk memilih "Selected", kemudian ⊕.

Mesej pengesahan akan muncul.

4 Gerak ⊕ ke kiri untuk memilih "Yes", kemudian tekan ⊕.

Untuk memadamkan wayang gambar pada Pemain Wayang Gambar

1 Selepas memaparkan Pemain Wayang Gambar (rujuk halaman 57), gerak ⊕ ke atas atau ke bawah untuk memilih "Menu", kemudian tekan ⊕.

Menu pengendalian wayang gambar akan muncul.

2 Gerak ⊕ ke atas atau ke bawah untuk memilih "Delete", kemudian tekan ⊕.

3 Gerak ⊕ ke atas untuk memilih "Selected", kemudian tekan ⊕.

4 Gerak ⊕ ke kiri untuk memilih "Yes", kemudian tekan ⊕.

Memaparkan status “Memory Stick” yang terkini

Anda boleh memaparkan jenis “Memory Stick”, jumlah kapasiti, kapasiti yang telah digunakan dan kapasiti bebas “Memory Stick”.



1 Masukkan “Memory Stick” ke dalam slot “Memory Stick”pada TV.

Untuk keterangan cara memasukkan”Memory Stick” yang lebih lanjut, sila rujuk halaman 46.

2 Tekan butang MEMORY STICK untuk memaparkan “Memory Stick Home”.

3 Gerak ⊕ ke atas atau ke bawah untuk memilih “Options”, kemudian tekan ⊕.

Menu “Options” akan muncul.

4 Gerak ⊕ ke atas atau ke bawah untuk memilih “Memory Stick”.

Status “Memory Stick” yang terkini akan muncul.

bersambung

Memilih folder

Anda perlu memilih folder untuk menonton imej pegun dan wayang gambar yang disimpan di dalam folder berlainan menggunakan komputer.

Sebelum mengendalikan fungsi ini, pastikan bahawa "Digi. Cam. Mode" diaturkan kepada "Off".

Panduan

- Jika anda mengaturkan "Digi. Cam. Mode" kepada "Off", anda boleh memaparkan lebih daripada 2,000 imej dan wayang gambar pada skrin.



1 Masukkan "Memory Stick" ke dalam slot "Memory Stick" pada TV.

Untuk keterangan cara memasukkan "Memory Stick" yang lebih lanjut, sila rujuk halaman 46.

2 Tekan butang MEMORY STICK untuk memaparkan "Memory Stick Home".

3 Gerak ⊕ ke atas atau ke bawah untuk memilih "Select Folder", kemudian tekan ⊕.

Menu "Select Folder" akan muncul.

4 Gerak ⊕ ke atas atau ke bawah untuk memilih "Digi.Cam.Mode", kemudian tekan ⊕.

5 Gerak ⊕ ke atas atau ke bawah untuk memilih "Off", kemudian tekan ⊕.



6 Gerak ⊕ ke kanan untuk memilih senarai folder.

7 Gerak ⊕ ke atas atau ke bawah untuk memilih folder yang mengandungi fail yang anda ingin tontoni, kemudian tekan ⊕.

8 Gerak ⊕ ke atas atau ke bawah untuk memilih "Close", kemudian tekan ⊕ atau gerak ⊕ ke kiri.

Imej pegun dan wayang gambar yang dimasukkan ke dalam folder pilihan akan dipaparkan pada "Memory Stick Home".

bersambung

Penyusunan imej — Pilihan

Anda boleh menukar susunan paparan imej "Memory Stick" mengikut susunan abjad nama fail atau susunan tarikh rakaman fail.

Sebelum mengendalikan fungsi ini, pastikan bahawa "Digi. Cam.Mode" diaturkan kepada "Off".

Panduan

- Jika anda mengaturkan "Digi. Cam. Mode" kepada "Off", anda boleh memaparkan lebih daripada 2,000 imej dan wayang gambar pada skrin.



1 Masukkan "Memory Stick" ke dalam slot "Memory Stick" pada TV.

Untuk keterangan cara memasukkan "Memory Stick" yang lebih lanjut, sila rujuk halaman 46.

2 Tekan butang MEMORY STICK untuk memaparkan "Memory Stick Home".

3 Gerak ⊕ ke atas atau ke bawah untuk memilih "Options", kemudian tekan ⊕.

Menu "Options" akan muncul.

4 Gerak ⊕ ke atas atau ke bawah untuk memilih "File", kemudian tekan ⊕.

5 Gerak ⊕ ke atas atau ke bawah untuk memilih "Sort", kemudian tekan ⊕.

6 Gerak ⊕ ke atas atau ke bawah untuk memilih butiran yang dikehendaki, kemudian tekan ⊕.

Jenis Menu

Butiran	Untuk
Susunan nama ↓A Z	mengisih nama fail mengikut susunan abjad (A hingga Z).
Susunan nama ↓Z A	mengisih nama fail mengikut susunan songsang abjad (Z hingga A).
Susunan tarikh ↓1 9	mengisih rakaman mengikut susunan tarikh (1 hingga 9).
Susunan tarikh ↓9 1	mengisih rakaman mengikut susunan songsang tarikh (9 hingga1).

Nota

- Tarikh pengubahsuaian fail mungkin akan dipaparkan pada fail imej jika fail tersebut telah diproseskan oleh komputer.

Memaparkan imej pegun atau wayang gambar — Pilihan

Anda boleh memaparkan sama ada imej pegun atau wayang gambar yang tersimpan di dalam “Memory Stick”.

Sebelum mengendalikan fungsi ini, pastikan “Digi. Cam.Mode” diaturkan kepada “Off”.



1 Masukkan “Memory Stick” ke dalam slot “Memory Stick” pada TV.

Untuk keterangan cara memasukkan “Memory Stick” yang lebih lanjut, sila rujuk halaman 46.

2 Tekan butang MEMORY STICK untuk memaparkan “Memory Stick Home”.

3 Gerak ⊕ ke atas atau ke bawah untuk memilih “Options”, kemudian tekan ⊕.

Menu “Options” akan muncul.

4 Gerak ⊕ ke atas atau ke bawah untuk memilih “File”, kemudian tekan ⊕.

5 Gerak ⊕ ke atas atau ke bawah untuk memilih “Filter”, kemudian tekan ⊕.

6 Gerak ⊕ ke atas atau ke bawah untuk memilih butiran yang dikehendaki, kemudian tekan ⊕.

Menu Penuras

Butiran	Imej yang dipaparkan
“Show Stills”	Imej pegun sahaja
“Show Movies”	Wayang gambar sahaja
“Off”	Imej pegun dan wayang gambar

Panduan

- Jika “Show Stills” atau “Show Movies” dipilih pada “Filter”, jenis imej yang dipilih (imej pegun atau wayang gambar) akan dipaparkan pada “Memory Stick Home”.

Memperkenalkan sistem menu

Butang MENU membolehkan anda membuka menu dan menukar aturan TV anda. Berikut adalah gambaran menyeluruh tentang sistem menu.



Pemilihan butiran yang dilakukan dalam Menu paras 2 di bawah menu "Setup" akan memaparkan menu yang lain (Menu paras 3) dan pemilihan butiran dalam menu ini juga akan memaparkan menu pelarasan (Menu paras 4).



Paras 1	Paras 2/Paras 3	Paras 3/Paras 4/Fungsi
"Picture"	"DRC-MF"	Memilih mod "DRC-MF": "DRC1250" → "DRC100" → "Progressive"
	"DRC Palette"	Memilih salah satu daripada 3 kelaziman DRC Palette. "Custom 1" → "Custom 2" → "Custom 3"
	"Picture Mode"	Memilih mod gambar: "Dynamic" → "Standard" → "Hi-Fine" → "Personal"
	"Picture Adjustment"	Melaraskan pilihan "Personal" "Picture" → "Brightness" → "Color" → "Hue" → "Sharpness" → "Color Temperature" → "Reset"
	"3D-NR"	Mengaktifkan atau menyahaktifkan mod pengurangan gangguan gambar.
"Sound"	"Sound Mode"	Memilih mod bunyi: "Dynamic" → "Drama" → "Soft" → "Personal"
	"Sound Adjustment"	Melaraskan pilihan "Personal" "Treble" → "Bass" → "BBE"* → "Reset"
	"Balance"	Melaraskan keseimbangan bunyi pembesar suara kiri dan kanan.
	"Intelligent Volume"	Mengaktifkan atau menyahaktifkan ciri "Intelligent Volume".
	"Surround"	Memilih mod "Surround": "TruSurround" → "Simulated" → "Off"
	"Speaker"	Memilih mod pembesar suara: "MAIN" atau "CENTER IN".

* Dilesenkan oleh BBE Sound, Inc di bawah USP4638258, 4482866.
Simbol "BBE" dan BBE adalah cap dagang BBE Sound, Inc.

Paras 1	Paras 2/Paras 3	Paras 3/Paras 4/Fungsi
"Memory Stick"	"Memory Stick Menu"	Memaparkan gambar pegun dan wayang gambar yang tersimpan di dalam "Memory Stick". Anda juga boleh memaparkan menu ini dengan menekan "MEMORY STICK" pada alat kawalan jauh.
"Wide Screen"	"Wide Mode"	Memilih mod skrin lebar : "Wide Zoom" → "Normal" → "Full" → "Zoom"
	"Auto Wide"	Memilih mod skrin lebar optimum secara automatik.
	"4:3 Default"	Menukar gambar kepada "Wide Zoom" atau "Normal" apabila gambar biasa 4:3 dengan ID-1 atau isyarat format 480i/480p tanpa ID-1 diterima.
	"V Center"	Melaraskan kedudukan menegak gambar dalam mod "Wide Zoom" atau "Zoom".
	"V Size"	Melaraskan saiz kedudukan menegak gambar dalam mod "Wide Zoom" atau "Zoom".
"Multi Picture"	"Twin"	Memaparkan saluran TV di sebelah skrin utama.
	"Swap"	Menyilih gambar di antara skrin kiri dan kanan.
	"Program Index"	Memilih semua rancangan yang dilaraskan untuk pemilihan segera.
"Setup"	"Language"	Menukar bahasa menu: "English" → "中文" (Bahasa Cina) → "عربي" (Bahasa Arab)
	"Picture Position"	Melaraskan kedudukan gambar jika ia tidak sejajar dengan skrin TV.
	"Picture Rotation"	Melaraskan kelencongan gambar.
	"Picture V-Position"	Melaraskan kedudukan menegak gambar.
	"Channel Setup"	Mengatur saluran, atau memilih sistem TV.
	"Auto Program"	Menu "Auto Program" dipaparkan. Mengatur saluran secara automatik.
	"Manual Program"	Menu "Manual Program" dipaparkan. Mengatur saluran secara manual.
	"TV System"	Memilih sistem TV: "B/G" → "I" → "D/K" → "M"
	"Program Label"	Melabel (seperti nama stesen TV) saluran yang diatur.
	"Program Block"	Menyekat siaran tertentu.
	"Program Edit"	Menukar turutan saluran yang diatur.
	"Game Mode"	Mengaktifkan atau menyahaktifkan ciri "GAME MODE".
	"Video Label"	Melabelkan peralatan audio/ video yang disambung kepada TV.
	"Video Input"	Memilih input peralatan audio/ video yang ingin disambungkan. "Video 1" → "Video 2" → "Video 3" → "Video 4" → "HD/DVD 1" → "HD/DVD 2"

bersambung

Memperkenalkan sistem menu (bersambung)

Paras 1	Paras 2/Paras 3	Paras 3/Paras 4/Fungsi
"Setup"	"Label"	Memilih salah satu daripada label yang sudah ditetapkan atau melabel dengan label sendiri dalam kedudukan"Edit": "Video 1" → "VCR" → "SAT" → "Game" → "Edit"
	"Color System"	Memilih sistem warna: "Auto" → "PAL" → "SECAM" → "NTSC3.58" → "NTSC4.43"
	"Eco Mode"	Mengaktifkan atau menyahaktifkan ciri ECO MODE.
	"S Input"	Memilih mod input video S: "Auto" atau "Off".

Untuk kembali kepada seting kilang

Tekan butang RESET pada alat kawalan jauh.

Aturan-aturan lain selain butiran dalam menu berikut yang boleh diaturkan kepada seting kilang dengan menggunakan butang RESET:

– "Language"
– "Program" dan "Skip"dalam "Manual Program".
– "Fine" dalam "Manual Program".
– "TV System"
– Butiran "Memory Stick Menu"
– "Picture Position"
– "Personal" dalam "Picture Mode" dan "Sound Mode"
– "Program Label"
– "Video Label"
– Aturan Kelaziman "DRC Palette"

Cara menggunakan menu



Tekan MENU untuk memaparkan menu.



Gerak butang joystick ( ) ke atas, ke bawah, ke kiri atau ke kanan untuk memilih butiran yang dikehendaki.





Tekan butang joystick ( ) untuk mengesahkan pilihan dan/atau pergi ke paras yang seterusnya.



Operasi menu yang lain

Untuk	Tekan/Gerak
Melaras kedudukan aturan	Gerak ke atas, ke bawah, ke kiri atau ke kanan.
Pergi ke paras menu yang selepas/ sebelum	Gerak ke kiri atau ke kanan.
Membatalkan menu	Tekan MENU.

Panduan

- Jika anda hendak keluar dari Menu paras 2 ke Menu paras 1, gerak ke atas atau ke bawah sehingga lambang kembali ( ) dipilih, kemudian tekan .
